

29/09/1998

Umno Bagan kemuka resolusi kepada MT

BUTTERWORTH, Isnin - Majlis Tertinggi (MT) Umno diminta mengenakan tindakan disiplin terhadap tiga pemimpin utama Umno bahagian Bagan di sini kerana bertindak membelakangi perlembagaan parti.

Saranan itu dikemukakan menerusi resolusi yang dirangka wakil 18 daripada 58 cawangan Umno bahagian berkenaan.

Ini berikutan tindakan Ketua Umno bahagian, Datuk Abdul Latiff Mirasa; Ketua Pergerakan Pemuda, Norhaidi Che Dan; dan Ketua Pergerakan Wanitanya, Jumabi Mohamad yang didapati menyokong gerakan reformasi Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Resolusi itu turut menyatakan hilang kepercayaan terhadap ketiga-tiga pucuk pimpinan Umno bahagian itu dan menggesa mereka meletak jawatan secara terhormat bagi menjaga kepentingan dan perpaduan ahli Umno.

Wakilnya yang merangkap Ketua Umno cawangan Sungai Nyiur, Dr Rozi Yusof, berkata keputusan itu dibuat selepas mempertimbangkan tindakan pemimpin Umno bahagian itu yang tidak mengambil daya usaha menyokong Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan MT berkaitan isu pemecatan Anwar.

Malah, katanya, Umno bahagian itu juga meragui pendirian pemimpinnya kerana gagal melaksanakan sebarang tindakan untuk menyatupadukan orang Melayu selepas tersebarnya pelbagai berita yang memburukkan pucuk pimpinan parti di peringkat Pusat.

"Resolusi ini bukannya suara keseluruhan ahli bahagian ini, tetapi suara ahli bahagian yang menentang reformasi dan masih kekal dengan pendirian asal menyokong penuh tindakan Presiden parti dan MT terhadap Anwar.

"Malah, perkara kedua menerusi memorandum yang sebelum ini pernah dikemukakan bahagian Bagan untuk meminta Dr Mahathir dan ahli MT mempertimbangkan semula keahlian Anwar dalam parti dan mengekalkan semua jawatannya dalam kerajaan juga tidak dipersetujui," katanya ketika ditemui di sini selepas mendapatkan persetujuan wakil daripada 18 cawangan Umno bahagian berkenaan untuk meluluskan resolusi itu di Dewan Masyarakat Bagan Dalam di sini, hari ini.

Cawangan terbabit ialah Sungai Nyiur, Taman Uda, Ujung Batu, Kuala Prai, Kampung Baru Kuala Prai, Taman Riang, Taman B, Pantai Bersih, Jalan Mengkuang, Bagan Tuan Kechil, Sungai Puyu, Taman Prai, Lorong Chempa, Bagan Dalam, Pengkalan, Prai, Kolam Gajah dan Taman Bagan.

Turut hadir, Ketua Pergerakan Pemuda Ujung Batu, Razalan Mohd Zain; Ketua Cawangan Lorong Chempa, Abdul Razak Ibrahim; dan Ketua Pergerakan Wanita Taman Uda, Siti Rafeah Ahmad.

Dr Rozi berkata, ahli Umno seharusnya dimaklumkan bahawa pemecatan Anwar sebenarnya bukan berpunca daripada konspirasi politik, sebaliknya berkaitan perilaku moralnya yang rendah.

"Sebahagian besar ahli bahagian Bagan masih tidak memahami isu pemecatan Anwar, tetapi hingga sekarang tidak ada pemimpin bahagian yang tampil untuk menerangkannya kepada ahli, sedangkan ia mendapat liputan luas di luar negara," katanya.

Menurutnya, Dr Mahathir juga pernah dipecat suatu masa dulu, tetapi ia tidak menyebabkan berlakunya pertelagahan sesama ahli dan tindakan yang bercanggah dengan perlembagaan parti seperti yang berlaku sekarang.

Selain itu, beliau turut menasihatkan ahli supaya tidak mempertikaikan tindakan pucuk pimpinan parti, polis dan juga jabatan kehakiman negara terhadap Anwar.

(END)

